**BORANG SOAL SELIDIK PELAKSANAAN SISTEM PERSEKITARAN BERKUALITI (QES/5S)**
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,**
**MALAYSIA**

## TUJUAN SOAL SELIDIK

1. Untuk menilai tahap kepuasan warga JPA terhadap pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S).

2. Untuk menilai impak pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) terhadap produktiviti, kualiti dan sistem penyampaian kerja;

3. Untuk menilai persepsi warga JPA terhadap impak pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) terhadap tahap keselamatan di tempat kerja dan moral/ sikap masing-masing; dan

4. Untuk menilai persepsi warga JPA sama ada kos yang dikeluarkan untuk pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) memberi faedah kepada warga, organisasi dan pelanggan JPA.

**MAKLUMAT PERIBADI** :-

1) KUMPULAN PERKHIDMATAN

☐ PENGURUSAN ATASAN JPA (JUSA C KE ATAS)
☐ PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
☐ KUMPULAN SOKONGAN

2) JANTINA

☐ LELAKI
☐ PEREMPUAN

**PANDUAN PENGISIAN :-**

| SIMBOL | KETERANGAN |
|---|---|
| Y | YA |
| T | TIDAK |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN Y | JAWAPAN T |
|---|---|---|---|
| IMPAK 1 : PRODUKTIVITI | | | |
| 1 | Adakah anda berpuas hati dengan susunan peralatan barangan di stor Bahagian anda? | | |
| 2 | Adakah anda berpuas hati dengan susunan fail di Bilik Fail Bahagian anda? | | |
| 3 | Adakah anda berpendapat masa carian fail lebih pantas berbanding sebelum Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) dilaksanakan di Bahagian anda? | | |
| 4 | Adakah anda berpendapat pengurusan stor di Bahagian anda lebih baik dari segi kawalan stok, carian barangan dan penempahan barangan? | | |
| 5 | Adakah anda berpuas hati dengan susun atur ruang kerja, perabot dan mesin/ kelengkapan di pejabat? | | |
| 6 | Adakah anda berpendapat susun atur pejabat di Bahagian anda dapat meningkatkan semangat untuk bekerja? | | |
| 7 | Adakah anda berpendapat susun atur pejabat di Bahagian anda dapat meningkatkan kualiti kerja? | | |
| 8 | Adakah anda berpendapat dengan meletakkan tatacara penggunaan mesin dan melantik penyelia bagi setiap mesin dan peralatan maka kadar kerosakan mesin/ peralatan dapat dikurangkan? | | |
| 9 | Adakah anda berpendapat pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) ini merupakan perubahan yang baik untuk Bahagian anda dan JPA secara keseluruhan? | | |
| 10 | Adakah anda berpendapat pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) dapat meningkatkan produktiviti Bahagian anda dan JPA secara keseluruhan? | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| IMPAK 2 : KUALITI | | | |
| 1 | Adakah anda berpendapat kualiti kerja anda telah meningkat setelah Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) dilaksanakan? | | |
| 2 | Adakah anda berpendapat perubahan-perubahan berikut memberikan impak yang positif ke atas kualiti kerja anda? * kebersihan ruang kerja | | |
| | * tunjuk arah dalaman yang praktikal dan nyata | | |
| | * susun atur ruang pejabat kondusif | | |
| | * ruang gunasama (bilik mesyuarat, pantri, surau, ruang menunggu) yang selesa | | |
| | * sistem penyimpanan dan penyusunan peralatan pejabat dan peribadi di ruang kerja | | |
| 3 | Adakah anda bersetuju bahawa pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) menggalakkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dengan galakan penggunaan semula barangan terpakai (kitar semula)? | | |
| 4 | Adakah anda bersetuju tahap kesihatan seseorang pekerja akan lebih baik sekiranya bekerja di persekitaran yang bersih dan kondusif? | | |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN | |
|---|---|---|---|
| | | Y | T |
| IMPAK 3 : KOS | | | |
| 1 | Adakah anda berpendapat kos yang dibelanjakan untuk pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) di JPA adalah tinggi pada peringkat awal pelaksanaan? | | |
| 2 | Adakah anda bersetuju bahawa setelah susun atur di pejabat diperkemas, banyak penjimatan ruang telah didapati di Bahagian anda? | | |
| 3 | Adakah anda bersetuju bahawa penjimatan ruang merupakan salah satu faedah pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) yang paling nyata? | | |
| 4 | Adakah anda bersetuju bahawa dengan pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S), penjimatan berikut telah dilakukan :-<br>* dengan penyisihan barangan/ dokumen tidak perlu, banyak rak/ kabinet kosong dapat diagihkan ke bahagian lain | | |
| | * dengan penyusunan barangan yang sistematik, stor dan sistem penempahan stok yang lebih baik, penjimatan ruang dapat dilakukan di stor dan mengurangkan penggunaan rak di masa hadapan | | |
| | * dengan penggunaan kad petak di stor dapat mengurangkan risiko kehilangan dan kecurian barang | | |
| | * dengan penyisihan dokumen dan akhbar, ianya dapat dijual dan mendatangkan hasil kepada Bahagian | | |
| 5 | Adakah anda bersetuju kos penyelenggaraan mesin peralatan dapat dikurangkan dengan pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S)? | | |
| IMPAK 4 : SISTEM PENYAMPAIAN | | | |
| 1 | Adakah anda berpandangan sistem penyampaian di Bahagian anda bertambah baik setelah pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S)? | | |
| 2 | Adakah anda bersetuju dengan penyampaian kemudahan-kemudahan berikut kepada orang awam, maka sistem penyampaian adalah lebih baik?<br>* brosur mengenai perkhidmatan yang disediakan | | |
| | * notis/ tanda arah diletakkan di tempat yang strategik | | |
| | * bahan bacaan diletakkan di ruang menunggu | | |
| IMPAK 5 : KESELAMATAN | | | |
| 1 | Adakah anda berpendapat tahap keselamatan di tempat kerja bertambah baik dengan pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S)? | | |
| 2 | Adakah anda bersetuju tahap keselamatan/ keselesaan di tempat kerja meningkat disebabkan perubahan-perubahan berikut :-<br>* peralatan dan mesin diletakkan di ruang yang selamat bagi tujuan pengendalian mesin | | |
| | * tatacara penggunaan mesin dapat mengurangkan risiko mesin rosak/ meletup | | |
| | * wayar dan kabel yang diikat kemas dapat mengurangkan risiko kemalangan akibat tersadung | | |
| | * penggunaan barangan elektrik peribadi di ruang kerja dihadkan boleh mengurangkan risiko *tripping* atau black out | | |
| IMPAK 6 : MORAL | | | |
| 1 | Adakah anda berpendapat pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S) dapat menggalakkan pembudayaan kreativiti di kalangan warga JPA? | | |
| 2 | Adakah anda bersetuju bahawa dengan mewujudkan penyelia bagi setiap mesin dan ruang maka budaya kebertanggungjawaban (*accountability*) di kalangan warga JPA dapat dipupuk? | | |
| 3 | Adakah anda bersetuju bahawa dengan pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S), faedah-faedah yang didapati :-<br>* memupuk semangat kerjasama antara rakan-rakan sepejabat | | |
| | * memupuk budaya persaingan secara sihat antara Bahagian | | |
| 4 | Adakah anda bersetuju dengan pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti (QES/5S), anda menjadi seorang pekerja yang lebih baik dengan perubahan-perubahan seperti berikut :-<br>* semangat kerja berpasukan lebih tinggi | | |
| | * hubungan dengan rakan sekerja dan pegawai atasan menjadi lebih rapat | | |
| | * lebih kreatif | | |
| | * lebih rajin, pengemas dan berdisiplin. | | |

**Sekian. Terima kasih.**

**Urus Setia Pelaksanaan QES/5S**
**Jabatan Perkhidmatan Awam**
**Malaysia**